



KENYATAAN AKHBAR

1. BANTUAN KHAS TUNAI COVID-19 DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI NEGERI KEDAH DARUL AMAN. BAYARAN BERPERINGKAT MULAI 13 MEI 2020

Pada bulan lepas, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bantuan tunai kepada golongan yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. Bantuan tunai sebanyak RM300 akan diberikan kepada setiap penerima yang terpilih di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi menangani kesan pandemik COVID-19 di Negeri Kedah.

Sejumlah 22,579 permohonan telah diterima melalui pusat-pusat khidmat DUN. Kerajaan Negeri telah menetapkan kuota seramai 700 penerima bagi setiap kawasan DUN.

Bantuan ini akan dikreditkan terus ke akaun penerima yang layak bermula 13 Mei 2020 secara berperingkat. Bagi penerima yang tidak mempunyai akaun bank, bantuan khas ini akan disampaikan secara tunai melalui YB ADUN dan Penyelaras DUN masing-masing.

Namun begitu, terdapat sebahagian permohonan yang diterima didapati bertindih atau tidak lengkap untuk proses bayaran. Permohonan-permohonan ini akan dikembalikan kepada Pusat Khidmat DUN dan Penyelaras DUN berkenaan untuk dikemaskini dan diproses semula. Bagi mereka yang layak menerima bantuan tunai akan dimaklumkan oleh Pusat Khidmat DUN dan Penyelaras DUN masing-masing.

Kerajaan Negeri berharap bantuan khas tunai ini dapat mengurangkan beban kewangan rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

2. WAKTU OPERASI STESEN MINYAK

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah hari ini, 6 Mei 2020 (Rabu), membuat keputusan melanjutkan waktu operasi stesen minyak di seluruh negeri ini kepada antara pukul 6.00 pagi dan 10.00 malam dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Waktu operasi stesen minyak dalam jajaran lebuh raya di Negeri Kedah pula ditetapkan antara 6.00 pagi dan 12.00 tengah malam.

Pengguna jalan raya dinasihati memastikan kenderaan diisi minyak yang mencukupi bagi mengelak dari terkandas dalam perjalanan.

DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Menteri Besar Kedah

Wisma Darul Aman
Alor Setar, Kedah

Tarikh: 6 Mei 2020